

Headline	Mana pergi satelit, radar AS?		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	9	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,843
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,528



Mana pergi satelit, radar AS?

SHAH ALAM – Sejak kehilangan pesawat MAS MH370 8 Mac lalu, beberapa negara telah mendedahkan penemuan satelit mereka yang menunjukkan objek berpotensi dikaitkan dengan pesawat berkenaan.

Negara-negara tersebut ialah Australia, Perancis, Thailand, Japan dan tidak ketinggalan United Kingdom melalui satelit Inmarsat.

Namun, agak menghairankan apabila negara yang mempunyai rangkaian satelit tercanggih di dunia iaitu Amerika Syarikat (AS) langsung tidak berkongsi penemuan satelit mereka.

Seperti diketahui juga, AS merupakan negara yang paling mendahului dalam bidang penguasaan teknologi, termasuklah peralatan dan pesawat canggih yang pastinya mempunyai keupayaan untuk mengesan di mana sesebuah pesawat berada.

Sebagai contoh, AS memiliki dan melancarkan satelit *reconnaissance* (pemantauan) paling banyak dengan kemampuan yang boleh menjangkau luas seluruh pelosok dunia.

Pernah digunakan sewaktu perang di Iraq dan Afghanistan, satelit yang sering kali dirujuk

sebagai satelit perisikan ini bukan saja berfungsi mengambil gambar. Malah, ia juga digunakan sebagai pengendali peluru berpandu nuklear dan membantu sistem komunikasi antara markas tentera dengan sistem keselamatan yang tidak mudah ditembusi.

Dalam kes membabitkan pesawat komersial, satelit dengan teknologi infra-red ini pernah mengesan letupan TWA Flight 800 pada 1996 di Lautan Atlantik.

Bukan saja satelit, AS juga memiliki kecanggihan radar yang boleh mengesan sebarang isyarat atau objek walaupun ia-mereka
nya bersaiz kecil.

Perkara itu turut diakui pakar kejuruteraan penerbangan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Rizal Effendy Mohd Nasir yang dalam satu laporan *Sinar Harian* berkata, radar ketenteraan milik AS di Diego Garcia mampu menjejaki pesawat MH370 sekiranya lokasi penerbangan terakhir adalah di Lautan Hindi.

Menurutnya, radar jenis Active Electronically Scanned Array (AESA) yang digunakan di pangkalan ketenteraan itu boleh mengesan pesawat atau kapal yang berada ribuan meter di atas udara mahupun laut berserta jenis, kelajuan dan

sebagainya.

Katanya, setiap kapal dan pesawat yang terdapat di pangkalan ketenteraan terbabit juga dilengkapi dengan radar pertahanan udara yang mampu mengesan objek beribu-ribu kilometer jauhnya termasuk apa yang terkandung di dasar Lautan Hindi.

Tidak cukup itu, USS 7th Fleet Navy yang dihantar dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR) MH370 turut dilengkapi radar paling canggih.

Dengan kepakaran dan kecanggihan aset dimiliki AS ini, sememangnya menimbulkan persoalan besar mengapa MH370 masih tidak dapat dikesan oleh negara berkenaan.

Untuk menganggap kehebatan teknologi AS sebagai cerita yang direka-reka mungkin agak mustahil. Atau mungkin juga kita boleh menganggap AS tidak mendedahkan segala maklumat kepada umum kerana diklasifikasikan sebagai rahsia 'besar'.

Namun, apa yang lebih dikhuatiri ialah AS sebenarnya mempunyai agenda tertentu di sebalik 'persembunyian' teknologinya yang tidak diketahui oleh Malaysia.

Headline	Mana pergi satelit, radar AS?		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	9	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,843
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,528



INFO

Senarai satelit Amerika Syarikat

Berdasarkan carian di internet, Amerika Syarikat (AS) mempunyai 248 satelit sejak 1984, namun sehingga kini hanya 75 satelit yang berstatus aktif.

Di bawah adalah sebahagian senarai satelit milik AS bagi pelbagai tujuan

1. Atlas V 501 NROL-39 (FIA-R) berfungsi sebagai pencerap imej radar, masih aktif dan dilancarkan pada 6 Disember 2013.
2. Atlas V 531 AEHF-3 berfungsi sebagai alat komunikasi, status aktif dilancarkan pada 18 September 2013.
3. Delta IV-H NROL-65 (KH-11) berfungsi sebagai pencerap imej optikal dilancarkan pada 28 Ogos 2014.
4. Atlas V 401 GPS IIF-4 berfungsi sebagai pemandu arah dan berstatus aktif dilancarkan 15 Mei 2013.
5. Atlas V 401 SBIRS GEO-2 berfungsi sebagai pengesan peluru berpandu berstatus aktif dan dilancarkan pada 19 Mac 2013.
6. Atlas V 501 Boeing X-37B OTV-3 berfungsi sebagai alatan teknologi status aktif dan dilancarkan pada 11 Disember 2012.
7. Atlas V 401 NROL-36 (NOSS-3) berfungsi sebagai pemantau status aktif dilancarkan pada 13 September 2012.



Amerika mempunyai sistem radar tercanggih di dunia.